

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT SERTAI MISI BANTUAN PASCA BANJIR KE NEGERI JOHOR

MELAKA, 20 MAC 2023 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) telah turut serta bersama Kerajaan Negeri Melaka dalam misi bantuan pasca banjir ke negeri Johor baru-baru ini. Sebanyak 44 kenderaan dengan 203 anggota yang menyertai rombongan bantuan ini, dilepaskan dari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Ayer Keroh bagi membantu penduduk terjejas banjir di daerah Yong Peng, Johor.

“Misi bantuan banjir ke negeri Johor oleh pihak SWM Environment bermula sejak 10 Mac yang lalu dengan pihak kami telah menggerakkan empat unit jentera jengkaut (JCB), dan lapan unit RORO melibatkan 19 pekerja pembersihan ke Johor bagi membantu lokasi-lokasi yang memerlukan.

“Kali ini, SWM Environment bersama rombongan yang terdiri daripada pelbagai agensi dari negeri Melaka ke Pusat Pemindahan Sementara Kampung Parit Awang, Yong Peng dengan SWM Environment menghantar pacuan 4 roda bersama empat kakitangan bagi penghantaran sumbangan bantuan makanan dan minuman,” kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

“Pada masa yang sama, mangsa-mangsa banjir yang terlibat turut dinasihatkan untuk mendapatkan pengantian Tong Sampah Beroda (TSB) yang baru secara percuma terutamanya bagi mereka yang mengalami kerosakan tong atau hanyut akibat banjir. Semoga dengan bantuan ini sedikit-sebanyak dapat meringankan beban mereka yang terjejas dengan bencana ini dan tabah untuk menghadapi ujian ini,” tambah beliau lagi.

SWM juga ingin merakamkan setinggi penghargaan terima kasih khususnya kepada Kerajaan Negeri Melaka di atas inisiatif murni ini dan semoga usaha seperti ini dapat diteruskan bagi membantu mereka yang terjejas dengan bencana seumpamanya.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com